

Standard Kualiti Pendidikan Malaysia gelombang kedua bakal dilaksana tahun hadapan

Kenal pasti kekuatan, kelemahan sekolah

Oleh HAKIMI ISMAIL

pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 10 NOV.

STANDARD Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) gelombang kedua yang bakal dilaksanakan tahun hadapan mampu menambah baik, mengenal pasti kekuatan dan kelemahan di sekolah-sekolah rendah dan menengah di seluruh negara.

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr. Amin Senin berkata, SKPM merupakan instrumen penilaian kendiri yang mengandungi set standard tindakan yang perlu dilaksanakan oleh barisan pemimpin dan warga sekolah dalam menguruskan penyampaian pendidikan.

Beliau berkata, set standard tersebut terbahagi kepada lima aspek iaitu Standard Kepimpinan; Standard Pengurusan Organisasi; Standard Pengurusan Program Pendidikan; Standard Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) serta Standard Kemenjadian Murid.

"Skor penilaian kendiri menggunakan SKPM merupakan sebahagian skor dalam Skor Komposit yang menentukan kedudukan berdasarkan band. SKPM yang dilaksanakan sejak 2001 itu juga telah menunjukkan keberkesanannya sejak diperkenalkan melalui tiga versi terdahulu.

"Instrumen ini menjadi aspek utama pemeriksaan Jemaah Nazir dan skornya menjadi penentu kepada pemberian anugerah tertentu untuk sekolah seperti tawaran baharu kepada guru besar dan pengetua," katanya dalam sidang akbar di sini hari ini.

Menurut Amin, kualiti PdP dapat ditingkatkan secara menyeluruh dan berkesan jika sekolah mempunyai pemimpin yang prestasi tinggi, organisasi sekolah yang diurus dengan sempurna dan melaksanakan program pendidikan berkualiti.

Inisiatif ini sekali gus dapat menjadikan SKPM sebagai asas untuk meningkatkan kualiti PdP guru di sekolah.

Katanya, strategi pelaksanaan SKPM yang memasuki edisi



DR. AMIN SENIN menunjukkan buku Standard Kualiti Pendidikan Malaysia selepas sidang akbar di Putrajaya, baru-baru ini.

keempat dibuat secara penilaian kendiri dengan kaedah digunakan apakah membolehkan pihak sekolah dapat mengenal pasti kekuatan, kelemahan dan membuat penambahbaikan berpanduan standard tersebut mengikut keperluan dan kemampuan masing-masing.

"Terdapat banyak peningkatan kualiti pengurusan dan pencapaian sekolah yang berlaku dengan pelaksanaan SKPM, perkara positif yang sebelum ini tidak menjadi amalan di sekolah telah dapat dibudayakan dengan penggunaan dan pelaksanaan SKPM, justeru mana-mana sekolah yang serius dan bersungguh-sungguh melaksanakannya akan mendapat lebih manfaat.

"SKPM sentiasa diperbaharui isi kandungannya mengikut perkembangan pendidikan semasa dan selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang menekankan kepada tindakan berkualiti bagi mencapai standard serta peranan pengetua dan guru besar sebagai peneraju sekolah serta guru-guru dalam melaksanakan

PdP abad ke-21 yang berpusatkan keupayaan murid," katanya.

Mengulas lanjut mengenai SKPM, Amin berkata, standard tersebut disifatkan sebagai alat pengurusan yang akan membantu sekolah meningkatkan kualiti pendidikan masing-masing.

"Jika dahulu, pelaksanaannya juga bersifat holistik namun, ada beberapa aspek berbeza serta diambil kira sekali gus berbeza dengan gelombang kedua yang digunakan pada tahun hadapan. Sebelum ini, kandungannya berbentuk generik dan gelombang kedua ini lebih spesifik kerana membabitkan tindakan yang diambil oleh pihak sekolah.

"Menerusi versi lama yang dilaksanakan pada 2001, penilaian SKPM hanya dibuat setahun sekali, manakala bagi versi terbaru ini, penilaiannya akan dibuat sekurang-kurangnya tiga kali setahun dan penilaian bagi menentukan band sekolah juga akan sepenuhnya menggunakan SKPM," katanya.

Menurutnya, SKPM gelombang kedua bukan alat untuk Kementerian Pendidikan menyiasat sekolah

tetapi alat pengukur untuk meningkatkan segala aspek.

Bagi tujuan itu, penilaian dibuat tiga kali setahun untuk memudahkan mereka membuat penambahbaikan secara berperingkat-peringkat.

Selain itu katanya, pada tahun hadapan, penilaian bagi menentukan band sekolah akan sepenuhnya menggunakan SKPM bagi menggantikan Skor Komposit dan kementerian juga menyasarkan untuk melihat tiada sekolah rendah dan menengah berada pada band enam atau tujuh menjelang 2025.

"Sebagai contoh, sebanyak 30 peratus SKPM dan 70 peratus akademik diambil kira bagi penilaian sekolah kluster menerusi kaedah sebelum ini dan pada tahun hadapan 100 peratus penilaian akan dibuat berdasarkan SKPM.

"Oleh itu, SKPM ini sebagai panduan kepada sekolah untuk mengenal pasti kekuatan, kelemahan dan membuat penambahbaikan. Malahan skor penilaian kendiri bagi SKPM digunakan untuk menentukan band dan kedudukan sekolah," katanya.

Kandungan SKPM

Standard Kepimpinan

- Pengetua atau guru besar berperanan sebagai pemimpin berimpak tinggi yang berupaya menggembung dan menggerakkan warga sekolah secara bersepada untuk memajukan sekolah dan meningkatkan kualiti PdP.

Pengurusan Organisasi

- Organisasi sekolah diurus secara cekap dengan mengambil kira potensi dan keperluan warga sekolah, kemudahan sumber dalaman dan luaran untuk meningkatkan keberkesan pengoperasian sekolah.

Pengurusan Kurikulum, Kokurikulum dan Hal Ehwal Murid

- Bidang kurikulum, kokurikulum dan hal ehwal murid diurus secara cekap dan berkesan untuk melahirkan murid yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial mengikut hala tuju sekolah.

Pembelajaran dan Pemudahcaraan

- Guru berperanan sebagai pemudah cara dalam PdP yang berkesan untuk memperkembangkan potensi murid secara menyeluruh dan pencapaian murid pada tahap optimum secara berterusan.

Kemenjadian Murid

- Murid yang dididik secara holistik dalam pengurusan sekolah yang cekap berupaya mencapai potensi diri yang sepenuhnya dalam penguasaan pengetahuan dan kemahiran, berketerampilan, berakhlik mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri.